

29 MAY 1998

Mahathir-Sabah

DR MAHATHIR SAHKAN GHAPUR MEMOHON KEPADANYA UNTUK BERUNDUR

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan yang bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Abdul Ghapur Salleh telah memaklumkan kepadanya yang beliau tidak ingin menganggotai Kabinet baru negeri itu.

Dr Mahathir berkata, beliau telah menerima permohonan rasmi daripada Ghapur yang juga Menteri Kewangan Sabah dalam Kabinet lepas untuk tidak dilantik semula dalam Kabinet baru itu atas pilihan sendiri.

"Beliau (Ghapur) tidak mengangkat sumpah semalam kerana beliau meminta supaya tidak dilantik semula. Itu pilihan beliau. Beliau minta kepada saya secara rasmi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Eksposisi Multimedia Telekomunikasi dan Elektronik (EMTEK'98) Kelantan di Tumpat dekat sini.

Ditanya mengenai kekosongan jawatan bagi wakil Umno dalam barisan Kabinet baru Sabah berikutan keputusan Ghapur itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Umno akan mencari penggantinya.

"Kita akan cari yang lain. Kita akan umumkan kemudian," katanya.

Ghapur semalam mengumumkan yang beliau menarik diri daripada menganggotai barisan Kabinet baru yang diketuai oleh Tan Sri Bernard Dompok sebagai Ketua Menteri baru yang mengangkat sumpah semalam.

Menurut Ghapur sebab-sebab penarikan dirinya adalah sama seperti ketika beliau membuat pengumuman meletakkan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan pada Disember tahun lepas iaitu alasan masalah peribadi dan kegagalan menjalankan tugas.

Sementara itu mengenai anggota Exco kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Waad Mansor yang dihadapkan ke mahkamah atas lima tuduhan rasuah dua hari lepas, Dr Mahathir berkata perkara itu kemungkinan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan datang.

"Terpulanglah kepada Umno untuk memutuskan (kedudukannya dalam Umno). Saya belum ada perbincangan apa-apa," katanya.

Dr Mahathir juga memberi jaminan, kerajaan tidak akan menghalang pihak berkuasa khususnya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan siasatan berhubung perkara itu.

Waad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Penerangan dan Sumber Manusia Negeri dikenakan ikat jamin berjumlah RM260,000 dengan dua penjamin atas tuduhan menggunakan kedudukan awam untuk faedah diri dan keluarganya.

Hakim Mahkamah Sesyen Abdul Rahman Abdol menetapkan 22 Jun ini untuk sebutan pertuduhan di Mahkamah Tinggi Seremban.

Mengulas permintaan kerajaan negeri yang mahukan kerjasama pusat mengatasi krisis air di Kelantan, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat sedia membantu khususnya membabitkan kelemahan penswastaaan air Kelantan yang dikendalikan Kelantan Water Sdn Bhd sejak tiga tahun lepas.

"Kita diminta untuk campurtangan dan kita akan cuba seberapa yang boleh," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata PAS yang menerajui kerajaan Kelantan perlulah mengakui sumbangan kerajaan pusat khususnya dalam pembangunan negeri ini.

"Janganlah pula kata (kerajaan Kelantan) tidak perlu bantuan pusat. Mereka buat dakwaan di Kelantan tidak ada kegawatan ekonomi kerana kerajaan Kelantan cekap. Itu tak benar, sebaliknya semua orang rasa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata dalam lawatannya ke Jepun bermula Isnin

ini, beliau akan menyampaikan dua ucapan berkaitan kegawatan ekonomi dan krisis kewangan khususnya di Malaysia.

"Orang Jepun berminat untuk mengetahui apa yang telah berlaku dan apa tindakan yang kita ambil," katanya.

Dr Mahathir mengakui kesan kegawatan ekonomi yang turut melanda negara seperti Jepun menyebabkan syarikat-syarikat multimedia negara itu kurang membuat pelaburan di Malaysia dan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

-- BERNAMA

BD/RAR RON